

Malaysia, Thailand jalin kerjasama pelajaran

BH-13/6/2007

Program profesional manfaat ICT dalam pendidikan khas

Oleh Syuhada Choo Abdullah

KEMENTERIAN Pelajaran Malaysia dan Thailand bakal memeterai dua memorandum rasmi untuk julung kalinya bagi melaksanakan pelbagai program kerjasama profesional dua hala dalam bidang pendidikan, Ogos depan.

Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran (Jabatan Sekolah), Datuk Alimuddin Mohd Dom, berkata dokumen itu ialah memorandum persefahaman (MoU) dan memorandum perjanjian (MoA).

Melalui kerjasama itu nanti, beliau berkata, antara aspek tumpuan Kementerian Pelajaran Thailand ialah pelaksanaan Pendidikan Islam serta dasar pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris (PPSMI) dalam sistem pendidikan kebangsaan Malaysia.

Bagi Kementerian Pelajaran Malaysia pula, katanya, perhatian akan diberikan terhadap kemantapan sistem pendidikan khas di negara itu yang banyak memanfaatkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta peralatan audio visual.

Sambil menjelaskan ada pusat latihan guru pendidikan khas di Universiti Suan Dusit Rajabhat, Bangkok, beliau berkata, kementerian juga berhasrat menjalin hubungan dengan kira-kira 600 sekolah kluster serta meneliti sistem penilaian berasaskan sekolah di Thailand.

“Aspek kerjasama itu ialah antara intipati perbincangan kedua-dua pihak kementerian untuk mengisi memorandum terbabit ketika Kementerian Pelajaran Malaysia mengadakan lawatan selama empat hari ke Thailand, minggu lalu.

“Rombongan berkenaan membatikan 11 pegawai kanan kementerian diketuai saya sendiri. Kami turut diberi taklimat sistem pendidikan Thailand ketika sesi perjumpaan dengan Ketua Setiausaha Suruhanjaya Pendidikan Asas negara itu, Dr Kasama Varavan, pada hari pertama lawatan.

“Sekiranya proses berkaitan berjalan lancar, majlis pemeteraian MoU dan MoA terbabit dijangka diadakan sewaktu lawatan Perdana Menteri Thailand ke Malaysia, Ogos depan.

“Ketika ini, pegawai kedua-dua ke-

menterian saling bertukar maklumat diperlukan. Bagi Kementerian Pelajaran Malaysia, rangka memorandum berkenaan akan diteliti Penasihat Undang-Undang sebelum dikemukakan kepada Yang Berhormat Menteri untuk kelulusan,” katanya kepada *Berita Harian*.

Alimuddin berkata, kunjungan rombongannya itu adalah susulan kepada lawatan Menteri Pelajaran Thailand, Prof Dr Wichit Srisa-an, ke

Malaysia bagi melihat contoh kerajaan negara ini melaksanakan program Pendidikan Islam dan PPSMI, awal bulan lalu.

Katanya, program rombongan berkenaan termasuk lawatan ke dua sekolah menengah dan masing-masing sebuah sekolah rendah serta sekolah pondok di Selatan Thailand.

Setakat ini, beliau berkata, hubungan dalam bidang pendidikan antara Malaysia dan Thailand lebih tertumpu kepada peringkat antara institusi pendidikan saja.

Sebagai contoh, katanya, Kolej Melayu Kuala Kangsar memiliki jalinan erat dengan Kolej Vajiravudh menerusi sukan ragbi sejak 1960, malah bergilir menjadi tuan rumah perlawanan persahabatan setiap tahun, selain banyak sekolah di Perlis juga dilaporkan mempunyai hubungan baik dengan sekolah di Satun, Thailand.

“Thailand adalah jiran terdekat Malaysia dan merupakan negara Asean. Justeru, diharap pemeteraian memorandum itu nanti akan mempererat hubungan baik antara kedua-dua pihak, terutama menerusi bidang pendidikan,” katanya.

FAKTA NOMBOR

Bilangan sekolah kluster

600

Thailand

300

Malaysia
(Sasaran tahun ini)